

12 AUG 1997

OPERASI ANTI KOTOR DI IBU KOTA

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan operasi anti-kotor hari ini dengan azam untuk tidak berlembut lagi dengan kerenah wargakota yang menyebabkan kekotoran.

Timbalan Penguasa Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Tajuddin Lazim berkata seramai 190 individu termasuk pelancong asing telah dikenakan kompaun serta merta tetapi hanya 60 orang membayar denda berjumlah RM6,000 di tempat kejadian.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan kemarahannya terhadap sikap sesetengah rakyat yang suka membuat kotor.

Tajuddin berkata kompaun bagi kesalahan membuang sampah seperti puntung rokok telah dinaikkan dari RM30 kepada RM100.

Seramai 158 anggota dari pelbagai jabatan dalam Bahagian Penguatkuasaan DBKL terlibat dalam operasi itu. Mereka memakai pakaian biasa.

Jumlah kompaun terbanyak dikeluarkan di kawasan hentian bas di sekitar bandar raya. -- BERNAMA

SLR MAI